

BAB 1**PENGURUSAN LATIHAN MENGAJAR****1.0 Pengenalan**

Latihan Mengajar merupakan satu latihan amali untuk guru pelatih mempraktikkan segala teori dan kaedah yang telah dipelajari. Latihan ini juga merupakan satu syarat yang mesti dipenuhi oleh guru pelatih yang mengikuti kursus perguruan di Universiti Teknologi Malaysia. Bagi menentukan Latihan Mengajar berjalan dengan teratur dan berkesan ia perlukan suatu tatacara pengurusan yang licin dan efisien bagi membantu pelatih-pelatih menjalankan Latihan Mengajar. Sistem pengurusan ini dinamakan Pengurusan Latihan Mengajar. Bagi memudahkan guru pelatih, bab Pengurusan Latihan Mengajar ini dibahagikan kepada sub-topik berikut: Objektif Latihan Mengajar, Tempoh Latihan Mengajar, Syarat Menjalani Latihan Mengajar, Pengecualian Latihan Mengajar, Penangguhan Latihan Mengajar, Penempatan Latihan Mengajar, Taklimat Latihan Praktik, Buku Persediaan dan Panduan Latihan Mengajar, Lawatan Awal Ke Sekolah, Syarat Lulus Latihan Mengajar dan Penutup.

1.1 Objektif**Objektif Latihan Mengajar ialah untuk**

- 1.1.1 memberi latihan kepada bakal guru mengajar di sekolah.
- 1.1.2 memberi pendedahan kepada bakal-bakal guru tentang profesion perguruan serta tanggungjawabnya.
- 1.1.3 memberi bimbingan serta menilai kebolehan guru pelatih menjalankan tugas seorang guru sepertimana yang dikehendaki oleh etika profesion perguruan.

1.2 Tempoh Latihan Mengajar:

Semua guru pelatih Ijazah Sarjana Muda yang mengikuti program pendidikan disyaratkan menjalani Latihan Mengajar di sekolah selama dua belas (12) minggu. Tempoh Latihan Mengajar dua belas (12) minggu ini terbahagi kepada dua (2) bahagian. Bahagian pertama, selama enam (6) minggu dan enam (6) minggu lagi di bahagian kedua. Guru pelatih dikehendaki menjalani Latihan Mengajar mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Jawatan Kuasa Latihan Praktik Fakulti Pendidikan.

1.3 Syarat Menjalani Latihan Mengajar:

Pelajar yang akan menjalani latihan mengajar perlu terlebih dahulu

- 1.3.1 mengisi borang permohonan menjalani Latihan Mengajar.
- 1.3.2 lulus mata pelajaran Asas Pedagogi dan Kaedah Mengajar dan lulus dengan memperolehi gred B+ bagi mata pelajaran Pengajaran Mikro.
- 1.3.3 memenuhi syarat minimum (CPA sekurang-kurangnya 2.00) dan lulus mata pelajaran pengkhususan.
- 1.3.4 mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Latihan Praktik.

1.4 Pengecualian Latihan Mengajar

Pelajar boleh memohon untuk dikecualikan daripada menjalani Latihan Mengajar jika mereka telah memperolehi sijil perguruan dari institusi yang diiktiraf dan diperakukan oleh Jawatankuasa Latihan Praktik.

1.5 Penangguhan Latihan Mengajar

Pelajar boleh memohon untuk menangguhkan daripada menjalani Latihan Mengajar atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Bagaimanapun penangguhan ini tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Latihan Praktik. Permohonan penangguhan Latihan Mengajar hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Latihan Praktik 3 minggu sebelum latihan mengajar bermula.

1.6 Penempatan Latihan Mengajar

- 1.6.1 Pelajar-pelajar yang akan menjalani Latihan Mengajar akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang ditetapkan oleh Fakulti. Pelajar perlu mengisi dan mengemukakan borang permohonan menjalani Latihan Mengajar dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh borang dikeluarkan (syarat-syarat penempatan tercatat dalam borang).
- 1.6.2 Pelajar boleh membuat rayuan pertukaran penempatan dalam tempoh dua (2) minggu selepas senarai penempatan diumumkan.

1.7 Taklimat Latihan Praktik

Pelajar diwajibkan menghadiri Taklimat Latihan Praktik dan perjumpaan dengan Penyelia Pembimbing dan Penyelaras Zon yang diadakan sebelum menjalani Latihan Praktik.

1.8 Buku Persediaan dan Panduan Latihan Mengajar

Pelajar diwajibkan memperolehi buku persediaan latihan praktik dan Panduan Latihan Mengajar daripada Fakulti selewat-lewatnya seminggu sebelum Latihan Mengajar dimulakan.

1.9 Lawatan Awal Ke Sekolah

1.9.1 Pelajar perlu membuat lawatan awal ke sekolah secara berkumpulan. Lawatan ini hendaklah dilakukan selepas Taklimat Latihan Mengajar dan selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum permulaan Latihan Praktik. Perkara yang perlu dilakukan semasa lawatan ialah:

- a) berjumpa dengan Pengetua Sekolah
- b) berjumpa dengan Guru Pembimbing
- c) mendapatkan jadual waktu dan takwim sekolah

1.9.2 Pelajar dikehendaki menyerahkan jadual waktu dan takwim sekolah kepada penyelia masing-masing selepas lawatan awal ke sekolah dilakukan.

1.9.3 Pelajar dikehendaki melaporkan diri di sekolah pada jam 7.30 pagi pada hari pertama menjalani latihan mengajar.

1.10 Syarat Lulus Latihan Mengajar

Bagi mendapatkan taraf lulus dalam latihan mengajar seseorang guru pelatih mestilah :

1.10.1 telah menjalani Latihan Mengajar selama sekurang-kurangnya selama satu tempoh masa ditetapkan oleh Jawatankuasa Latihan Praktik Fakulti Pendidikan.

1.10.2 telah menjalani Latihan Mengajar dengan memuaskan sebagaimana yang diperakukan oleh Penyelia Bersekutu dan Pengetua sekolah.

1.10.3 menunjukkan sikap, disiplin dan tingkahlaku yang sesuai dengan keperluan etika perguruan.

